

**Isu hudud tak akan pecahkan Pakatan, kata Saifuddin  
Malaysian Insider  
28 Ogos, 2012  
Oleh Nomy Nozwir**

KUALA LUMPUR, 28 Ogos — Setiausaha agung PKR, Datuk Saifuddin Nasution Ismail berkata, isu hudud digunakan oleh Umno dan Barisan Nasional (BN) untuk memecahbelahkan kerjasama dalam Pakatan Rakyat (PR) khususnya PAS dan DAP.

Katanya, ini adalah perangkap lama Umno yang sekian lama digunapakai dan memang sudah dijangka.

“Apabila Umno menggunakan isu hudud, kita sudah tahu ini adalah usaha titik akhir bagi Umno,” kata Saifuddin lagi.

“Politik sebegini mungkin boleh dipakai pada tahun 70an, tapi kini kita sudah tahu dan kematangan rakyat terutamanya segmen pengundi muda.”

Katanya, di negara-negara majoriti Muslim seperti Mesir di bawah pimpinan Dr Mohammed Mursi isu seperti hudud tidak dibincangkan, tetapi isu seperti hak demokrasi dan pambanterasan rasuah.

“PR mengajak rakyat untuk ke arah politik matang dan membincangkan kerajaan yang lebih baik, manakala Umno hanya berminat bermain isu-isu yang membawa perpecahan.

“Kita semua yakin kerjasama antara PAS, PKR dan DAP adalah kerjasama paling kuat untuk kerajaan yang lebih baik,” katanya lagi.

Sementara itu, Ketua Pemuda Sosialis DAP Anthony Loke berkata, media arus perdana memutarbelitkan cerita tentang PAS dan DAP.

“Di akhbar berbahasa Melayu, mereka kata PAS akan bekerjasama dengan Umno, sementara itu Chua Soi Lek (Presiden MCA) berkata Umno akan bekerjasama dengan DAP jika MCA kalah, sebenarnya PAS dan DAP tidak pernah pun ingin bekerjasama dengan Umno,” kata Loke lagi.

“Umno ni perasan sahaja, kami hanya bekerjasama dalam PR untuk menjadikan Umno pembangkang dalam pilihan raya akan datang.”

Saifuddin mengatakan kerjasama PR telah lama terjalin sejak dari Konvensyen pertama di Shah Alam tentang prinsip-prinsip yang diperjuangkan bersama.

“Kami semua bersetuju untuk mengekalkan raja-raja, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dan Islam sebagai agama rasmi.

“Manakala konvensyen seterusnya kami membincangkan tentang Buku Jingga, iaitu pelan 100 hari jika Pakatan memerintah.

“Jadi tidak ada isu lagi seperti nak kata PR mahu jadikan negara ini negara Kristian atau sebagainya,” katanya lagi.

Kata Saifuddin, Umno akan sentiasa menggunakan tiga perkara untuk senjata terakhir mereka mempertahankan kuasa iaitu raja, agama dan perkauman.

"Sementara PR membawa politik masa depan membincangkan isu sejagat, Umno hanya berminat bermain politik perpecahan," katanya lagi.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-hudud-tak-akan-pecahkan-pakatan-kata-saifuddin/>